

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 25.11.2025 MASA: 9:30PG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
QUALITY APPRECIATION DAY 2025

TARIKH / MASA / TEMPAT
25 NOVEMBER (SELASA)
2.30 PETANG

HOTEL IXORA, PERAI
SEBERANG PERAI TENGAH

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati

En Cheen Goon Hoi

En Zainuddin Bin Mohamed

En Muhamad Suzuki Bin Ahmad

Datuk Mohd Noor Bin Ahmad

Whip Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Norhayati Binti Sulaiman

Pengarah Korporat Merangkap Penyelaras *Quality Appreciation Day 2025*

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. **Alhamdulillah**, segala puji dan kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya jua, kita dapat berhimpun pada petang yang penuh bermakna ini bagi menjayakan **Quality Appreciation Day 2025**, sebuah acara penting yang meraikan kecemerlangan dan komitmen warga MBSP dalam pembudayaan kualiti.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen tidak berbelah bahagi dalam menjayakan program ini. Terima kasih juga kepada para hadirin yang hadir bersama pada petang ini; kehadiran tuan-tuan dan puan-puan mencerminkan sokongan padu terhadap usaha memperkukuh budaya kerja yang berintegriti, sistematik dan berkualiti tinggi. Kita sering bertanya, apa makna sebenar kualiti? Bagi saya, kualiti bukan sekadar sistem atau sijil; tetapi cerminan siapa kita sebagai penjawat awam, dan bagaimana rakyat melihat MBSP.

Hadirin yang dihormati,

3. **Quality Appreciation Day** yang dianjurkan hari ini merupakan penganjuran **kali kelima** sempena Sambutan Hari Bandaraya. Ia

menjadi platform rasmi MBSP untuk menghargai warga kerja yang telah menunjukkan dedikasi jitu dalam mendokong prinsip pembudayaan kualiti, inovasi dan tadbir urus mampan.

4. Sepanjang Sambutan Hari Bandaraya tahun ini, pelbagai aktiviti kualiti telah dilaksanakan sebagai usaha meningkatkan kesedaran organisasi terhadap kepentingan standard kerja yang cekap, efektif dan berorientasikan pelanggan. Majlis penghargaan pada bulan ini pula menjadi kemuncak kepada semua inisiatif tersebut.

Hadirin sekalian,

5. Ramai melihat kualiti sebagai konsep subjektif. Namun bagi Agensi Kerajaan dan PBT, ia bermaksud kecemerlangan perkhidmatan, proses yang berkesan dan kemampuan kita memenuhi harapan rakyat.
6. Di MBSP, konsep kualiti diterjemahkan melalui komitmen terhadap aspek-aspek berikut:
 - (a) **standard perkhidmatan** yang cekap dan berintegriti;
 - (b) **pemeliharaan alam sekitar** secara mampan;
 - (c) **keselamatan dan kesihatan pekerjaan**;
 - (d) **keselamatan maklumat** dalam era digital;
 - (e) **pematuhan perundangan**; dan

(f) **integriti serta ketelusan** dalam semua urusan.

7. Ada yang menganggap kualiti sebagai beban, sedangkan ia sebenarnya sebahagian daripada hidup kita. Dalam keluarga, pilihan makanan, pengurusan masa; kita sentiasa inginkan yang terbaik. Itulah bukti bahawa kualiti adalah cerminan disiplin dan aspirasi diri.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Budaya kualiti di MBSP bukan sekadar slogan. Ia adalah satu *mindset* dan disiplin kerja yang diterjemahkan dalam setiap tindakan. Kualiti berfungsi sebagai standard rujukan, memastikan setiap proses, dokumen dan perkhidmatan mencapai tahap piawaian yang ditetapkan.
9. Selaras dengan keperluan rakyat dan pihak berkepentingan, MBSP melaksanakan pelbagai program berteraskan kualiti seperti **ISO**, **Quality Environment (QE)**, aktiviti inovasi digital serta **Business Process Improvement (BPI)** bagi meningkatkan kecekapan operasi. Usaha-usaha ini memastikan MBSP kekal relevan, kompetitif dan setara dengan amalan terbaik antarabangsa.

Hadirin yang dihormati,

10. Sebagai Datuk Bandar, saya berharap semua warga kerja terus komited mengekalkan budaya kualiti dalam setiap tugas. Kepatuhan kepada SOP dan garis panduan akan menjadikan

perkhidmatan lebih cekap, cepat dan teratur, sekali gus meningkatkan kepuasan pelanggan serta keyakinan masyarakat terhadap MBSP. Dengan komitmen bersama, saya yakin MBSP mampu mencapai standard terbaik dan menjadi rujukan nasional dalam tadbir urus berkualiti.

11. Saya berharap program-program kualiti ini dapat diteruskan dan diperkasa setiap tahun. Ia bukan sahaja memperkukuh organisasi, malah memberi ruang kepada kakitangan menonjolkan bakat, meningkatkan kreativiti dan mewujudkan suasana kerja yang lebih positif. Budaya penambahbaikan berterusan akan memberi impak jangka panjang kepada kos, kecekapan tenaga kerja dan kelestarian organisasi.
12. Pada tahun ini, pelbagai aktiviti berimpak tinggi telah dianjurkan, antaranya:

(a) **Anugerah Khas *Quality Engagement***

Penghargaan kepada kakitangan yang telah lama menyumbang dalam pasukan kerja kualiti serta memainkan peranan penting dalam penambahbaikan perkhidmatan.

(b) *Business Process Improvement (BPI)*

Projek berasaskan kreativiti dan inovasi yang berperanan meningkatkan kualiti perkhidmatan di samping mengurangkan aduan awam.

(c) *Q-Race: Fast & Curious*

Aktiviti seakan *Treasure Hunt* yang menguji kecerdasan, ketangkasan dan pengetahuan kakitangan berkaitan kualiti. Penyertaan Ahli-Ahli Majlis turut menyerlahkan komitmen bersama dalam menyemarakkan budaya kualiti merentas jabatan.

13. Semoga semangat pembudayaan kualiti ini terus segar dalam jiwa kita, menjadi pemangkin kepada kecemerlangan perkhidmatan serta memperkukuh integriti organisasi dalam melaksanakan amanah demi kesejahteraan rakyat Seberang Perai. Marilah kita keluar dari dewan ini sebagai duta kualiti MBSP, membawa semangat penambahbaikan berterusan dalam setiap tugas yang diamanahkan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.